

Bab 9 : Malaysia dalam kerjasama antarabangsa

Struktur

1. Malaysia memainkan peranan yang penting dalam Pertubuhan Negara-negara Selatan
 - a. Nyatakan matlamat Pertubuhan Negara-negara Selatan.

[2 markah]

- b. Apakah masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara di 1(a)?

[4 markah]

- c. Bagaimanakah kita boleh meningkatkan keberkesanan hubungan sesebuah negara dengan negara lain?

[4 markah]



Esei

11 Penggubalan dasar luar Malaysia amat dipengaruhi oleh beberapa faktor yang menentukan corak dan arah dasar luar negara.

- a. Terangkan asas-asas penggubalan dasar luar Malaysia [4 markah]
- b. Jelaskan perkembangan dasar luar Malaysia pada tahap pertama [8 markah]
- c. Bagaimanakah kita boleh meningkatkan keberkesanan hubungan sesebuah negara dengan negara lain? [8 markah]

Soalan Struktur

Soalan 1		Perincian / Butiran	Markah
a		Nyatakan matlamat Pertubuhan Negara-negara Selatan? F1 Mengatasi masalah harga eksport bahan mentah. F2 Meningkatkan kerjasama ekonomi. F3 Meningkatkan kerjasama teknikal dalam kalangan negara anggota F4 Tidak bergantung kepada negara-negara maju	1 1 1 1 (Mana-mana 2 x 1m) [2 markah]
b		Apakah masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara di 1(a)? F1 Masih bergantung kepada negara maju dalam pasaran bahan mentah F2 Tidak mempunyai kepakaran dalam memproses bahan mentah F3 Tidak mempunyai modal untuk memproses bahan mentah menjadi barang siap. F4 Sayarat perdangan yang tidak adil oleh negara maju F5 Harga bahan mentah dikawal oleh negara maju F6 Pinjaman dikenakan kadar faedah yang tinggi	1 1 1 1 1 1 (Mana-mana 4 x 1m) [4 markah]
c		Bagaimanakah kita boleh meningkatkan keberkesanan hubungan sesebuah negara dengan negara lain? F1 Mengadakan dan mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai bidang H1a Dapat memajukan negara C1a Mengadakan kerjasama dalam bidang pendidikan melalui pertukaran pelajar dan pengajar profesional F2 Penglibatan secara aktif melalui pertubuhan serantau dan antarabangsa. H2a Dapat meningkatkan imej negara C2a Penglibatan aktif dalam pertubuhan ASEAN dan KOMANWEL H2b Diberi kepercayaan menjadi pengerusi mesyuarat berkenaan / tuan rumah. F3 Memberi bantuan dan mengemukakan idea dalam menyelesaikan masalah H3a Negarakita juka akan dibantu sekiranya menghadapi masalah / musibah. C3a Kita telah memberi bantuan perubatan ketika Acheh dilanda Tsunami.	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 (Mana-mana munasabah 4 x 1m) [4 markah]

Soalan 1		Perincian / Butiran	Markah
a		Terangkan asas-asas penggubalan dasar luar Malaysia.	
	F1	Faktor sejarah	1
	H1a	Hubungan dengan negara luar telah terjalin sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka.	1
	H1b	Seperti China, Arab, Siam dan negeri-negeri di Kepulauan Melayu	1
	H1c	Hubungan luar lebih berbentuk hubungan perdagangan	1
	H1d	Hubungan erat juga terjalin dengan negara-negara Melayu serumpun di Kepulauan Melayu (Indonesia, Brunei, Singapura dan Malaysia)	1
	H1e	Selepas merdeka, Malaysia menyertai pertubuhan Komanwel	1
	H1f	Meneruskan hubungan diplomatik dengan Britain / negara Komanwel lain	1
	H1g	seperti Australasia dan New Zealand.	1
	H1h	Malaysia ketika itu diancam oleh fahaman komunis	1
	H1i	Disebarkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM)	1
	H1j	Ancaman ini menggugat keselamatan Malaysia	1
	H1k	Mendorong Malaysia mengamalkan dasar luar yang pro-Barat dan antikomunis	1
	H1l	Malaysia masih bergantung kepada kuasa Barat kerana belum mempunyai keupayaan pertahanan.	1
	F2	Faktor Ekonomi	1
	H2a	Mengamalkan pasaran bebas	1
	H2b	Menjalin hubungan baik dengan negara-negara lain bagi memastikan kemajuan ekonomi	1
	H2c	Malaysia merupakan negara pengeluar utama bijih timah / getah sejak zaman penjajahan British	1
	H2d	Terjalin hubungan ekonomi antara Malaysia dengan negara-negara maju	1
	H2e	Seperti Britain dan Amerika Syarikat	1
	H2f	Selepas merdeka, Malaysia masih mengharapkan pasaran / modal dari negara-negara tersebut	1
	H2g	Usaha diambil untuk menggalakkan pelaburan asing	1
	H2h	Bagi meningkatkan ekonomi dan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat	1
	H2i	Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan tahun 1980an	1
	H2j	Menggalakkan pelaburan asing dari Jepun dan Korea	1
	H2k	Menjalin hubungan baik dengan negara-negara sedang membangun / negara-negara Islam	1
	H2l	Bertujuan meningkatkan pasaran barang keluaran Malaysia	1
	H2m	Menggalakkan pelaburan di negara berkenaan	1
	F3	Faktor Politik	1
	H3a	Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen	1
	H3b	Berhak menentukan hala tuju / masa depan berdasarkan prinsip keamanan sejagat	1
	H3c	Menekankan pemeliharaan kedaulatan negara-negara lain	1

	H3d	Dasar Malaysia menyokong Palestin	1
	H3e	bagi mewujudkan keamanan di rantau Asia Barat	1
	H3f	Berpegang teguh kepada Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi memelihara keamanan dunia	1
	H3g		1
	F4	Faktor Geografi	1
	H4a	Malaysia berkedudukan strategik di Asia Tenggara	1
	H4b	Bersempadan dengan kebanyakan negara serantau seperti Singapura / Thailand / Indonesia / Filipina / Brunei	1
	H4c	Perairan Malaysia menjadi laluan utama kapal-kapal perdagangan di dunia	1
	H4d	Keselamatan negara serantau akan memberi kesan terhadap keselamatan Malaysia	1
	F5	Faktor Demografi	1
	H5a	Menjalin hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara Islam	1
	H5b	Majoriti penduduk Malaysia beragama Islam	1
	H5c	Malaysia tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Israel	1
	H5d	Kerana menceroboh dan menindas penduduk Palestin	1
	H5e	Rakyat Malaysia yang pelbagai kaum bebas	1
	H5f	Mengamalkan budaya hidup dan agama masing-masing	1
	H5g	Amalan konsep perpaduan dan sikap komited terhadap hak asasi manusia	1
	H5h	menyebabkan Malaysia menentang keras Dasar Aparteid di Afrika Selatan	1
	H5i	Tiada hubungan diplomatik	1
	H5j	Sehingga Dasar Aparteid dihapuskan oleh Afrika Selatan	1
	H5k	Kepelbagaiannya kaum di negara ini mempengaruhi pengubahan dasar luar Malaysia	1
		(Mana-mana 4 x 1m)	[2 markah]
b		Jelaskan perkembangan dasar luar Malaysia pada tahap pertama.	
	F1	Dasar pro-Barat yang anti komunis	1
	F2	Berbaik-baik dengan negara jiran dan komanwel	1
	F3	Dilaksanakan oleh Tunku Abdul Rahman	1
	F4	Ancaman komunis di negara-negara Asia Tenggara	1
	F5	Ancaman Parti Komunis Malaya di Malaysia	1
	F6	Malaysia memerlukan bantuan pertahanan daripada negara-negara Komanwel	1
	F7	Terutama Britain / Australia / New Zealand	1
	F8	Menandatangani Perjanjian Pertahanan Inggeris-Tanah Melayu / Anglo-Malayan Defence Treaty (AMDA) pada tahun 1956	1
	F9	British akan memberikan bantuan kepada Malaysia sekiranya diserang oleh mana- mana negara	1
	F10	Dasar luar berbaik-baik dengan negara jiran bagi menangani krisis dengan negara luar	1
	F11	Seperti konfrantasi dengan Indonesia / Filipina / keluarnya Singapura daripada Malaysia	1
	F12	Membuat perjanjian bagi memelihara hubungan dengan negara iiran	1

	F13 F14 F15 F16 F17 F18 F19	Menandatangani perjanjian menubuhkan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA) / MAPHILINDO / ASEAN Memperlihatkan pergantungan Malaysia kepada Britain dalam menjaga kepentingan ekonomi Malaysia merupakan anggota blok sterlind Menjalankan urusan perdagangan dalam nilai mata wang pound sterlind Mengharapkan sepenuhnya permintaan daripada Britain bagi pasaran bijih timah dan getah Pelabur Britain masih menguasai peratus yang besar dalam ekonomi Malaysia terutama sektor perladangan dan perindustrian Mengurangkan pergantungan kepada Britain dengan mengamalkan pasaran bebas	1 1 1 1 1 1 1
		(Mana-mana 8 x 1m)	[4 markah]

c		Bagaimanakah kita boleh meningkatkan keberkesanan hubungan sesebuah negara dengan negara lain.	
	Aras 4	<p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas</p> <p>Bukti / contoh sangat sesuai</p> <p>Membuat inferens yang tepat</p> <p>Jawapan sangat mendalam / terperinci</p> <p>Komunikasi / pengolahan sangat menarik</p> <p>Menunjukkan kematangan</p> <p>Mengadakan dan mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai bidang.</p> <p>Dapat memajukan negara</p> <p>Contohnya mengadakan kerjasama pertukaran pelajar dan tenaga pengajar profesional</p> <p>Situasi ini pasti akan meningkatkan kualiti pendidikan negara.</p>	7 - 8
	Aras 3	<p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas</p> <p>Bukti / contoh yang sesuai</p> <p>Membuat inferens</p> <p>Jawapan sangat mendalam</p> <p>Komunikasi / pengolahan menarik</p> <p>Mengadakan dan mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai bidang.</p> <p>Dapat memajukan negara</p> <p>Contohnya mengadakan kerjasama pertukaran pelajar dan</p>	5 - 6

		tenaga pengajar profesional	
	Aras 2	<p>Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas</p> <p>Mengadakan dan mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai bidang. Dapat memajukan negara</p>	3 - 4
	Aras 1	<p>Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum</p> <p>Contoh</p> <p>Mengadakan kerjasama dalam pelbagai bidang Dapat memajukan negara</p>	1 - 2